





Semak samun menjadi sarang haiwan berbisa di Flat Kuchai Jaya, Seputeh.

(Foto BERNAMA)



‘Flat Jumanji’ jijik, meloyakan

Rumah pangsa PKNS di Jalan Kuching pula jadi sarang penagih dadah, kegiatan tidak bermoral

Kuala Lumpur: Semak samun menyambut pandangan mata penulis ketika memandu masuk ke tempat letak kenderaan yang memisahkan empat blok pangsapuri enam tingkat Flat Kuchai Jaya, Seputeh di sini.

Kawasan letak kenderaan yang beralas tanah serta batu kerikil itu pula penuh lubang dan lopak bertakung air hitam. Namun, semua itu tidak mempersiap penulis untuk menjangka bau meloyakan ketika pintu kereta dibuka.

Rupa-rupanya takungan air itu berasal daripada kebocoran paip kumbahan dari unit kediaman yang mengalir ke medan kenderaan.

“Flat ini kami panggil ‘Flat Jumanji,’” kongsi Saiful, seorang daripada penduduk pangsapuri kos rendah berusia 32 tahun itu.

Saiful, 33, berkata beliau menyewa di situ sejak 10 tahun lalu dengan kadar sewa RM350 sebulan dan petempatan berkenaan semakin daif kerana sepanjang tempoh itu, tiada sebarang usaha membaiki pulih dilakukannya.

Beliau yang tinggal di tingkat lima bersama isteri yang sedang sarat mengandung anak pertama berkata, setahunya lif di bangunan itu sudah rosak sejak

berpuluh tahun lalu.

“Saya cuma harap isteri tidak bersalin di tangga,” ujarinya berseloroh.

Semak samun yang begitu ‘subur’ berhampiran medan kereta itu turut menghadirkan ‘tetamu’ tidak diundang seperti ular serta tikus kerana di situ juga terletak restoran yang menjadi tumpuan penduduk.

Disapa wakil penduduk, Hamid Kadir, 55, yang menetap di flat berkenaan sejak 30 tahun lalu, penulis kemudian dibawa meninjau satu persatu kerosakan - dinding retak, bau najis akibat paip saluran kumbahan bocor, laluan ke flat yang gelap, semak samun dan longkang tersumbat.

“Setahu saya ada dua orang meninggal dunia akibat wabak denggi di sini beberapa tahun lalu. Bila berlaku kematian, kami terpaksa menggunakan pengusung untuk bawa turun jenazah menggunakan tangga.

“Dulu, flat ini lambang rumah mampu milik,” keluh Hamid yang membeli unit kediamannya pada harga RM20,000 pada 1990-an sambil merenung sebuah kondominium baharu setinggi 42 tingkat yang siap pada 2023, terletak hanya 50 meter dari pangsapurinya.

Walaupun hanya terletak kira-kira sembilan kilometer dari pusat bandar raya Kuala Lumpur, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) meletakkan nilai Flat Kuchai Jaya ini dalam lingkungan RM75,000 hingga RM120,000 sahaja.

Ibarat langit dengan bumi jauhnya jika dibandingkan dengan nilai kondominium terhampir rumah mampu milik berkenaan, iaitu kira-kira RM800,000 seunit dengan kadar sewa minimum RM1,500.

Petempatan terbiar

Nasib sama turut menimpa rumah pangsa awam Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Jalan Kuching di sini. Perumahan 15 blok bangunan empat tingkat dengan keseluruhan 600 unit kediaman itu ibarat hidup segan mati tidak mahu.

Bendahari persatuan penduduk perumahan itu, Ridzwan Mohd Ali, 61, berkata keadaan petempatan berkenaan terbiar selepas 10 blok yang dijadikan kuarters anggota tentera dikosongkan pada 2008.

“Kini blok yang ditinggalkan itu terbiar, dipenuhi semak samun dan menjadi tempat kegiatan jenayah termasuk sarang penagih dadah, tempat menyimpan barang curi, selain dijadikan tempat kegiatan tidak bermoral,” katanya.

Tinjauan mendapati kawasan itu juga mungkin dijadikan tempat warga asing dan ge-

landangan ‘tumpang berteduh’ berdasarkan kewujudan tilam lama, sofa buruk, bagasi lusuh, pakaian serta tempat memasak sementara, sekalipun tiada bekalan elektrik dan air.

“Sudah pernah dua orang mati ditemukan di Blok B dan C kuarters ini akibat *overdose* dadah,” kata Ridzwan.

Beliau juga berkata, dalam bulan ini sahaja sudah tiga kali penduduk terserempak dengan ular sawa di kawasan itu.

Ridzwan berkata, penduduk menarik nafas lega selepas mengetahui perumahan mereka tersenarai sebagai antara 139 kawasan yang dikenal pasti berpotensi untuk dibangunkan semula oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Satu daripada kejayaan program pembangunan semula bandar ialah 1 Razak Mansion di Salak Selatan di sini yang membabitkan pembinaan rumah ganti, kedai, pasar dan

kemudahan lain seperti surau tabika perpaduan dan tadika Islam serta dewan serba guna, kira-kira 300 meter dari tapak asal.

Jika dulu terperuk di dalam rumah seluas 399 hingga 504 kaki persegi, penduduk asal Perumahan Awam Razak Mansion yang dibina sekitar 1960-an, kini selesa di kediaman tiga bilik berkeluasan 800 kaki persegi.

“Kalau di flat dulu satu bilik sangat kecil dan sangat tak selesa. Sekarang alhamdulillah, sangat selesa. Kemudahan pun banyak,” kata Azni Saharin, 71, yang juga guru tadika Islam di kediaman itu.

Berdasarkan statistik perbandaran oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN-Malaysia), sebanyak 534 tapak dan bangunan di bandar di Semenanjung berada dalam keadaan daif serta berpotensi dibangunkan semula.

Daripada jumlah itu, DBKL mengenal pasti sebanyak 139 tapak yang berpotensi untuk dibangunkan semula dengan unjuran nilai pembangunan kasar sebanyak RM355.3 bilion.

Institut Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) dilaporkan berkata, nilai hartanah akan terus merosot jika tiada pelan pembaharuan yang jelas dan menyeluruh, sekali gus mengeret masyarakat bandar ke dalam kitaran kemiskinan bandar yang sukar dipulihkan.

Menurut Institut REHDA, pembaharuan semula bandar wajar dilaksanakan demi menjamin keselamatan penduduk memandangkan banyak hartanah strata kini mengalami kerosakan yang boleh mengancam nyawa dan kesejahteraan masyarakat. **BERNAMA**



Ridzwan melihat keadaan rumah pangsa awam PKNS di Jalan Kuching yang ditinggalkan terbiar.